

**SILA BETULKAN BERITA B592 (MAHATHIR-GAJI) SEPERTI BERIKUT:**

1980

**KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) — KABINET TELAH MELULUSKAN SEMAKAN GAJI BAGI SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN TERMASUK POLIS, ANGKATAN TENTERA DAN PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN AKAN MELAKSANAKANNYA +LEBIH AWAL DARI YANG DIJANGKA,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING KENAIKAN GAJI, ELAUN YANG DINAMAKAN +ELAUN PERKHIDMATAN AWAM+ AKAN DI BERIKAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN DAN PESARA YANG DI-BAYAR DARI TABUNG AWAM.**

**BELIAU BAGAIMANAPUN, ENGGAN MENYATAKAN JUMLAH KENAIKAN GAJI HASIL SEMAKAN ITU TETAPI MENAMBAH BAHAWA IA AKAN MELIBATKAN +JUMLAH YANG BESAR,+**

**TETAPI, TAMBAHNYA, INI BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN KERAJAAN YANG TERPAKSA MENIMBANGKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMPERLUASKAN ANGKATAN TENTERA DAN PERBELANJAANNYA SEKARANG.**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS DIKUNJUNGI OLEH ROMBONGAN PERDAGANGAN ARAB GAUDI DI PEJABATNYA DI SINI. — BERSAMBUNG**

**MAHATHIR-GAJI 2 KUALA LUMPUR**

**KERAJAAN, TEGASNYA, TERPAKSA JUGA MENIMBANGKAN MASALAH YANG AKAN TIMBUL AKIBAT ALIRAN WANG YANG TERLALU BANYAK DI PASARAN, DAN DENGAN ITU TIDAK ADA PEMBAYARAN TUNGGAKAN.**

**BELIAU BERHARAP SEKTOR SWASTA AKAN MENGGUNAKAN SEMAKAN GAJI ITU SEBAGAI PANDUAN, SEMANA MUNGKIN, BAGI MENAMBAH GAJI PARA PEKERJA MEREKA.**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI TELAH DIBERI PENERANGAN MENGENAI SEMAKAN GAJI ITU.**

**MENSIFATKAN SEMAKAN TERSEBUT SEBAGAI +SATU LANGKAH BIASA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN,+ BELIAU MENAMBAH BAHAWA PIHAK BERKUASA KETIKA MEMBUAT SEMAKAN ITU, TELAH MENIMBANGKAN KEADAAN NEGARA SEPERTI INFLASI DAN JUGA PARA PEKERJA DI LUAR PERKHIDMATAN AWAM.**

**KERAJAAN JUGA, KATANYA SEDANG BERUSAHA UNTUK MENAIKKAN GAJI BAGI PARA PEKERJA DI BIDANG-BIDANG TERTENTU SEPERTI PEKERJA-PEKERJA KONTRAK DAN LAIN-LAIN YANG TELAH LAMA TIDAK MENDAPAT SEBARANG KENAIKAN GAJI. — BERSAMBUNG 1830/82**

**MAHATHIR-GAJI 3 KUALA LUMPUR**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN SEMAKAN ITU JUGA AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA YANG TIDAK MEMILIH UNTUK DIMASUKKAN DALAM SEMAKAN GAJI YANG LALU, BERBUAT DEMIKIAN.**

**MENERANGKAN TENTANG PERLUNYA +ELAUN PERKHIDMATAN AWAM+ ITU, BELIAU BERKATA SETIAP KAKITANGAN KERAJAAN DIKEHENDAKI MENJAGA INEJ PERKHIDMATAN DENGAN KELAKUAN MEREKA, CARA MEREKA BERPAKAIAN DAN SETERUSNYA.**

**OLEH ITU KENAIKAN GAJI ITU TALAH UNTUK MEMBOLEHKAN KAKITANGAN KERAJAAN MEMENUHI KEHENDAK-KEHENDAK ITU, TAMBAHNYA.**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI SECARA BERSELOROH BERKATA BELIAU TAHU TENTANG KEHAMPAN ORANG-ORANG SEPERTI ITU KERANA BELIAU SENDIRI PERNAH BEKERJA DENGAN GAJI \$75 SEBULAN DAN SEKARANG BERGAJI KIRA-KIRA \$4,000 SEBULAN DAN MENDAPATI WANG ITU JUGA +TIDAK MENCUKUPI,+**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGEKAM KAKITANGAN KANAN KERAJAAN YANG MERUNGUT KERANA MEREKA DIBAYAR GAJI RENDAH BERBANDING DENGAN PARA PEKERJA DALAM SEKTOR SWASTA DAN KAKITANGAN KERAJAAN DI SINGAPURA.**

**PERTAMA-TAMANYA, KATANYA, PERKHIDMATAN AWAM DI SINGAPURA HASIL MENGALAMI +ALIRAN+ KAKITANGAN KANANNYA KE SEKTOR SWASTA WALAUPUN MENDAPAT GAJI LUMAYAN. — BERNAMA 1900/82**